

## BAB VII

### ISU-ISU UTAMA DALAM HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA 1981-1995

**“Malaysia will always give close and constant attention to the development of good relations between our two countries”<sup>1</sup>**

#### 7.1 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan memperkatakan tentang gaya kepimpinan Dr. Mahathir dalam menguruskan isu-isu utama hubungan Malaysia-Singapura sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia. Kepentingan atau signifikan peranan Dr. Mahathir sebagai pemimpin tertinggi Malaysia dalam menentukan corak dan arah hubungan Malaysia -Singapura ini dapat dilihat dalam konteks sudut pandangan Charles W. Kegley Jr. dan Eugene R. Wittkopf yang mengatakan bahawa:

*“Leaders- and the kind of leadership they exert- shape the way foreign policies are made and the consequent behaviour of nation states in world politics”<sup>2</sup>*

Dr. Mahathir yang mengetuai kepimpinan Malaysia semenjak awal tahun lapan puluhan dengan gaya yang lebih terbuka dan lembut telah menangani hubungan kedua negara sehingga memasuki tahap baru. Ia telah memasuki tahap yang lebih bersifat “win-win” berbanding tahap sebelum ini yang lebih banyak menguntungkan Singapura. Untuk tujuan tersebut penulis mengkelaskan isu-isu utama kepada isu politik, ekonomi, pertahanan dan sosial dalam hubungan Malaysia - Singapura 1981-1995.

---

<sup>1</sup> Dr. Mahathir Mohamad, Ucapan semasa lawatan Goh Chok Tong pada 11 Januari 1991 dalam *Foreign Affairs Malaysia*, March 1991, Vol. 24 No. 1, m.s. 2.

<sup>2</sup> Charles W. Kegley, Jr. dan Eugene R. Wittkopf, *World Politics- Trends and Transformation*, (New York: St. Martin's Press 1993.) m.s. 56.

## 7.2 Isu-Isu Politik

Dalam kajian ini penulis mengenalpasti isu-isu berikut: Isu-isu politik dibahagikan kepada pertamanya dari isu lawatan ketua kerajaan diikuti oleh hubungan UMNO-PAP, persamaan nilai-nilai kedua-dua pemimpin, dasar liberal Malaysia, lawatan Presiden Israel, dan tuntutan bertindih ke atas Pulau Batu Putih.

### 7.2.1 Lawatan Ketua Kerajaan

Dr. Mahathir dalam bukunya “*The Malay Dilemma*” menyatakan bentuk hubungan Malaysia -Singapura bergantung kepada pemimpin-pemimpin di antara kedua negara.<sup>3</sup> Selain beliau tidak begitu berminat terhadap penyertaan Singapura dalam Malaysia, beliau juga menganggap tindakan Tunku Abdul Rahman mengumumkan penubuhan Malaysia dan penyingkiran Singapura sebagai tidak demokratik kerana ianya tidak dirundingkan terlebih dahulu dengan parti UMNO dan Perikatan.<sup>4</sup> Seterusnya beliau juga menyatakan “*In Malay archipelago, Singapore stands out like a sore thumb*”.<sup>5</sup> Pandangan itu berkaitan dengan sifat Singapura yang mana majoriti daripada penduduknya terdiri dari kaum Cina yang telah mendominasi ekonomi dan politik pulau tersebut. Lantaran itu Singapura berbeda daripada wilayah-wilayah yang lain di nusantara yang majoriti penduduknya adalah terdiri dari rumpun bangsa asli rantau ini.

Dr. Mahathir pada awalnya banyak memberi kritikan yang keras terhadap Parti PAP pimpinan Lee Kuan Yew. Antaranya beliau pernah menyatakan:

---

<sup>3</sup> Dr. Mahathir bin Mohamad, *The Malay Dilemma*, (Singapore: Times Book International, 1995), m.s. 185.

<sup>4</sup> Dr. Mahathir bin Mohamad, Ucapan pada 28 Oktober 1988, dalam *Arkitek Bangsa*, op.cit. m.s. 164.

<sup>5</sup> Mahathir Mohamad; *The Malay Dilemma*, op. cit. ms. 187.

*"The PAP 'type of Chinese' were insular, selfish and arrogant, and have in most instances never crossed the Causeway. They are in fact overseas Chinese first -more specifically Chinese of the southern region as in their mind China is the centre of the world-and Malaysians a very poor second..."*<sup>6</sup>

Dr. Mahathir turut menyokong pindaan Perlembagaan Malaysia untuk memisahkan Singapura dari Malaysia pada tahun 1965. Semasa memberi undi sokongan itu beliau memberikan sebabnya seperti berikut: "Saya tidak membantah kerana matlamat adalah lebih penting daripada cara".<sup>7</sup> Dengan itu bagi beliau matlamat mengeluarkan Singapura dari Malaysia adalah amat penting. Dr. Mahathir memang tidak bersetuju dengan kemasukan Singapura ke dalam Malaysia dari awal buktinya seperti kata Dr. Mahathir "*I was never keen on having Singapore in Malaysia in the first place*"<sup>8</sup>, dan pemecatan Singapura dari Malaysia adalah selaras dengan pendiriannya dari awal.

Setelah menjadi Perdana Menteri pada bulan Julai 1981, Dr. Mahathir telah melawat Singapura pada bulan Disember tahun yang sama. Chew Huat Hock menyatakan:

*"ties with Singapore which has been characterized by mutual suspicion and mistrust as a result of the Alliance/ People's Action Party (PAP) acrimony in the aftermath of Singapore's separation in 1965, improved considerably. Dr. Mahathir and his Singapore counterpart, Mr. Lee Kuan Yew, were able to resolve almost all the outstanding bilateral issues between the two countries during the Malaysian Prime Minister's first official visit to the island republic on 17 and 18 December 1981."*<sup>9</sup>

---

<sup>6</sup> Khoo Boo Teik, op.cit. m.s., 19.

<sup>7</sup> Chamil Wariya, *Siapa Kuasai UMNO, Op. cit.* m.s. 213.

<sup>8</sup> Dr. Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma, Op. Cit.* m.s. 179.

<sup>9</sup> Chew Huat Hock, "Changing Directions in Foreign Policy Trends: A Comparative Analysis of Malaysia's Bilateral relations with Britain and Singapore in 1981", *Contemporary Southeast Asia*, Vol 4 No. 3 December 1982. m.s. 346

Dapatlah dikatakan lawatan ini telah membuka satu tahap baru yang lebih dinamik dalam hubungan bilateral di antara kedua negara.<sup>10</sup> Ekoran daripada lawatan tersebut lima isu penting yang sebelum ini merupakan masalah dalam hubungan kedua negara dapat diselesaikan. Isu-isu tersebut ialah pertama pemulangan Kem Tentera Darat Khatib Ali di Singapura yang digunakan sebagai setor oleh Malaysia kepada kerajaan Singapura, kedua permohonan Singapura ke atas pondok Keretapi Tanah Melayu di Tanjung Pagar bagi pembinaan lebuhraya Pantai Timur- Jurong, ketiga permohonan Malaysia untuk mendapatkan tanah tambahan untuk kegunaan angkatan tentera laut Malaysia di Pengkalan Tentera Laut di Woodlands, keempat sempadan di Selat Johor dan akhir sekali ialah permohonan Malaysia untuk mengawal sebahagian besar ruang angkasa Johor.<sup>11</sup>

Lawatan Dr. Mahathir itu dibalas oleh Perdana Menteri Lee Kuan Yew yang melakukan lawatan resmi pada tahun 1982 iaitu yang pertama ke Malaysia semenjak Singapura disingkirkan daripada Malaysia pada tahun 1965. Ini diikuti pula oleh lawatan resmi Ketua Negara Malaysia iaitu yang di Pertuan Agung ke Singapura pada tahun 1988.<sup>12</sup>

Peningkatan tahap hubungan dua hala kedua negara terbukti dengan nyatanya apabila semasa pentadbiran Dr. Mahathir:

“.... Lee Kuan Yew was given Dr. Mahathir's permission to deal direct with the government of any Malaysian state”<sup>13</sup>

---

<sup>10</sup> Philippe Regnier, *op.cit.*, m.s. 158.

<sup>11</sup> J. Victor Morais, *Mahathir- A Profile of Courage*, (Petaling Jaya: Eastern University Press (M) Sdn. Bhd., 1982), m.s. 288-289.

<sup>12</sup> S. Jayasankaran, “Still Uneasy After All These Years-A Fitful Amity Exists Between Both Sides of the Causeway dalam *Malaysian Business* 1-15 Disember 1990.

<sup>13</sup> R. S. Milne, “Singapore Growth Triangle” dalam *The Roundtable*, No. 327 July 1993, m.s. 298.

Kebenaran ini merupakan satu gambaran bahawa di era kepimpinan Dr. Mahathir beliau lebih mementingkan matlamat hubungan yang rapat dengan Singapura kerana dengan itu maka Malaysia akan mendapat faedah yang maksima, terutamanya dalam aspek ekonomi. Oleh yang demikian kawalan ke atas hubungan langsung Singapura dengan negeri-negeri di Malaysia di longgarkan.

Lee Kuan Yew amat menghargai sikap Dr. Mahathir yang mana agak disenangi oleh beliau. Apabila Dr. Mahathir mengalami sakit jantung pada 19 Januari 1989 Lee Kuan Yew menawarkan untuk membawa seorang pakar jantung yang terkenal untuk merawat Dr. Mahathir dan segala perbelanjaannya ditanggung oleh kerajaan Singapura. Mengikut Daim Zainuddin “Lee Kuan Yew berkata dia amat risau; dia tidak mahu kehilangan seorang kawan”.<sup>14</sup> Pengganti Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dalam lawatan rasmi pertama beliau ke Kuala Lumpur pada 11 Januari 1991, telah diberitahu oleh Dr. Mahathir bahawa,

*“we both have had sufficient experience to understand the waste resulting from prolong and unreasoning confrontation. Understanding this we must be pragmatic and design policies on bilateral relations that can be mutually beneficial”<sup>15</sup>.*

#### 7.2.2 *Hubungan UMNO-PAP*

Ekoran dari lawatan-lawatan kedua ketua kerajaan tersebut maka didapati sudah ada hubungan yang dijalin diantara Pemuda UMNO Malaysia dengan Pemuda PAP. Ini dibuktikan oleh lawatan seramai 34 orang pemuda Parti PAP yang diketuai oleh Brigadier Jeneral George Yeo, Menteri Penerangan Singapura pada 9 Disember

---

<sup>14</sup> Cheong Mei Sui, Adibah Amin, *Daim-Insan Di Sebalik Enigma* (Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1996) m.s. 154.

<sup>15</sup> Ucapan Dr. Mahathir Mohamad semasa meraikan Goh Chock Tong pada 11 Januari 1991 di Kuala Lumpur. dalam *Foreign Affairs Malaysia*, March 1991, vol.24, No. 1. m.s 2

1993 untuk berbincang dengan Pemuda UMNO.<sup>16</sup> Hubungan ini merupakan manifestasi daripada peningkatan dalam hubungan Presiden UMNO Dr. Mahathir Mohamad dengan Setiausaha Agung PAP Lee Kuan Yew walaupun kedua-duanya pernah bertikam lidah semasa Singapura menyertai Malaysia.<sup>17</sup> Pertentangan itu pada asasnya berkaitan dengan dasar “*Malaysian Malaysia*” yang diperjuangkan oleh Lee Kuan Yew. Ianya mula berubah apabila Dr. Mahathir telah melakukan banyak tolak ansur dan mengorbankan beberapa prinsip asalnya.

Tolak ansur yang paling jelas ialah kepercayaan beliau bahawa orang Melayu tidak perlu dibantu untuk selama-lamanya. Pengorbanannya jelas terbukti seperti yang digambarkan oleh kata-kata berikut yang telah diungkapkan oleh Dr. Mahathir:

“sudah banyak pengorbanan yang telah kita buat. Kita terima bahawa kita sudah menjadi salah satu kaum dalam negara yang berbilang kaum. Nampaknya bangsa Melayu sudah hilang. Yang tinggal hanya kaum Melayu bangsa Malaysia.”<sup>18</sup>

Kini perjuangan Dr. Mahathir ialah untuk melahirkan kaum Melayu yang mampu bersaing dengan sesiapa sahaja di dunia ini dalam apa-apa bidang sekalipun. Untuk itu maka slogan Melayu baru<sup>19</sup> dengan tujuan untuk menanam nilai-nilai kompetitif kepada masyarakat Bumiputra dengan harapan utama untuk melahirkan usahawan yang berkelas dunia telah diperkenalkan.

---

<sup>16</sup> *The Star* 10 Disember 1993.

<sup>17</sup> Zainudin Maidin, *op.cit.*, m.s. 248.

<sup>18</sup> Lihat Ucapan Dr. Mahathir Mohamad semasa merasmikan Perhimpunan Agung UMNO yang ke 37 pada 18 September 1986.

<sup>19</sup> Lihat Ucapan Dr. Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung UMNO yang ke 42 pada 8 November 1991.

### 7.2.3 Ada Persamaan Nilai-Nilai

Seterusnya jika ditinjau dari aspek nilai di antara kedua pemimpin ini terdapat banyak persamaan nilai-nilai yang dipegang oleh Dr. Mahathir dan Lee Kuan Yew dalam beberapa perkara pokok. Melihatkan persamaan nilai-nilai tersebutlah maka Datuk Seri Sanusi menyatakan bahawa,

*"Like (former Singapore prime minister) Lee Kuan Yew, Mahathir is a man of convictions".<sup>20</sup>*

Walaupun Singapura telah menyertai Malaysia, didapati pemimpin-pemimpin Melayu begitu risau terhadap kepintaran Lee Kuan Yew seperti yang digambarkan oleh nasihat Tun Dr. Ismail kepada Tun Abdul Razak yang berbunyi:

*"Don't talk to that fellow (Lee Kuan Yew) too long -he will persuade you of anything,"*

Dalam keadaan yang sedemikian didapati Dr. Mahathir dengan berani mengkritik Lee Kuan Yew. Pada pandangan beliau Lee Kuan Yew mengeluarkan pelbagai pendapat yang melampau untuk mencapai tujuan peribadi. Ini digambarkan oleh petikan berikut di mana baginya Lee Kuan Yew adalah:

*"The mad ambition of one man to see himself as the first Chinese Prime Minister of Malaysia."<sup>21</sup>*

Namun mengenai apa itu erti kejayaan, kedua-dua pemimpin ini telah mengeluarkan dua hasrat yang hampir sama iaitu seperti berikut: Bagi Lee Kuan Yew,

---

<sup>20</sup> Dipetik dalam *Far Eastern Economic Review*, 11 February 1993.

<sup>21</sup> Petikan dalam Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, m.s. 20.

*"The greatest satisfaction in life comes from achievement. To achieve is to be happy... Solid satisfaction comes out of achievement, the overcoming of obstacles which lie in the path of an individual or a nation seeking success."*<sup>22</sup>

Sementara Dr. Mahathir Mohamad pula menyatakan:

*..The best reward really is the satisfaction that you derive from the success; the sucessful result of your work. That is the greatest satisfaction....my satisfaction is in being able to achieve something out of things that we try together ..."*<sup>23</sup>

Dalam hubungan ini James Minchin menyifatkan Dr.Mahathir dan Lee Kuan Yew sebagai:

*"They were after all, birds of a feather- opportunistic, euginicist, racially competitive, untroubled by traditional courtesies, both modernisers with more or less secular worldview and nationalists who needed to define the object of their loyalty."*<sup>24</sup>

Pemerhatian James Minchin itu telah terbukti benar apabila Lee Kuan Yew setelah berbincang dengan Dr. Mahathir, telah menyatakan bahawa:

*"I feel our meeting was rewarding because we spoke frankly and explicitly and because we are both realists. I stated my basic position and related it to the issues at hand. Dr. Mahathir responded in the same way. I felt we were at ease in dealing with each other.... I must say that while the former Malaysian leaders had made their own valuable contributions in various ways, none of them did so much so soon as Dr. Mahathir has done."*<sup>25</sup>

Berdasarkan banyak persamaan yang digambarkan oleh petikan-petikan seperti di atas maka banyak perkara dapat diuruskan dengan lebih baik di antara

---

<sup>22</sup> Lee Kuan Yew, dipetik dalam James Minchin, *op.cit.*, m.s. 299

<sup>23</sup> Dr. Mahathir Mohamad, dalam *Wawasan 2020 Dan Perkhidmatan Awam Malaysia*,(Kuala Lumpur:INTAN, 1994) m.s.229-230

<sup>24</sup> James Minchin, *No Man is an Island- A Portrait of Singapore's Lee Kuan Yew*, m.s. 172.

<sup>25</sup> J. Victor Morais, *Mahathir- A Profile of Courage*, Petaling Jaya: Eastern University Press(MO Sdn. Bhd., 1982), m.s. 289

kedua negara. Dr. Mahathir terbukti boleh “*get along*” dengan Lee Kuan Yew dan keadaan yang sama juga wujud dengan pengganti Perdana Menteri Singapura iaitu Goh Chok Tong.<sup>26</sup> Mengikut sumber keadaan ini wujud kerana kedua-dua pemimpin itu menerima falsafah “*prosper thy neighbour*” dalam menguruskan hubungan kedua-dua negara. Dalam hubungan ini BG Lee Hsien Loong pernah menyimpulkan bahawa,

*“over the last 15 years, especially after Dr. Mahathir become Prime Minister of Malaysia, relations have matured and become more business-like. This has happened both in government-to-government and private sector relations”<sup>27</sup>.*

Persamaan nilai seterusnya dapat dilihat dengan jelas apabila kedua-dua pemimpin itu menentang kelonggaran amalan demokrasi dan liberalisme sistem kapitalis barat, memerangi media barat serta cara hidup masyarakat barat yang dikira mempunyai implikasi negatif terhadap usaha-usaha pembinaaan negara masing-masing. Disamping itu terdapat banyak persamaan dalam pendekatan oleh kedua-dua pemimpin untuk membangun masyarakat dan ekonomi negara. Contoh yang paling nyata ialah penekanan kepada konsep pesyarikatan, maka kita dapati adanya Persyarikatan Malaysia dan Persyarikatan Singapura. Walau bagaimanapun Persyarikatan Singapura telah lebih dahulu diamalkan iaitu pada tahun 1959. Sementara Persyarikatan Malaysia pula mula diperkenalkan pada tahun 1983.<sup>28</sup> Dalam hubungan ini mengikut Wan Mohd. Mahyiddin, Ketua Unit Penyelidikan UMNO, persamaan di antara Lee Kuan Yew dan Dr. Mahathir adalah seperti yang

---

<sup>26</sup> David Martin Jones menyimpulkan Dr. Mahathir dan Goh Chok Tong sebagai “contemporary pan-Asianist” yang berpendapat “the promotion of equal rights and civil liberties has in fact brought about western economic stagnation, inner city chaos and monstrous regiments of single parent families. Lihat David Martin Jones, *Political Development in Pacific Asia*, (Cambridge: Polity Press, 1997),m.s. 195.

<sup>27</sup> Lee Hsien Loong, Ucapan di Institut Diplomasi dan hubungan Luar, Kuala Lumpur pada 17 Januari 1995. m.s. 2.

<sup>28</sup> Ahmad Sarji Abdul Hamid,*The Civil Service Of Malaysia Towards Vision 2020* (Government of Malaysia,1995),m.s.263.

digambarkan oleh petikan berikut yang menyimpulkan kepimpinan Dr. Mahathir dan Lee Kuan Yew sebagai: "Satu kepimpinan yang pragmatis berdaya intelektual terlihat pada Dr. Mahathir. Dia bukan sahaja dapat bertindak memenuhi kehendak ramai dalam melaksanakan pelbagai projek kemajuan tetapi mempunyai wawasan yang tersendiri dalam menentukan arah negara yang dipimpinnya.... Sementara di Singapura, Lee Kuan Yew dengan pragmatisme dan keintelektualnya telah menjadikan pulau yang kecil itu sebuah negara bandar yang terkenal."<sup>29</sup>

Melihatkan perjalanan sistem ekonomi dan politik di kedua-dua negara itu yang pada asasnya amat mementingkan hak-hak masyarakat mengatasi hak-hak individu maka Sterling Seagrave menyatakan bahawa:

*"Authoritarian leaders such as Lee Kuan Yew and Dr. Mahathir Mohamad put reform and prosperity ahead of political libertarianism"<sup>30</sup>*

Reformasi yang dilaksanakan oleh kedua-dua pemimpin tersebut di negara masing-masing bertujuan untuk mencapai kemakmuran ekonomi yang digambarkan oleh pertumbuhan dalam Keluaran Negara Kasar dan peningkatan pendapatan perkapita. Persamaan dari segi menghadkan kebebasan politik demi untuk mencapai objektif ekonomi yang dikira lebih mustahak, merupakan persamaan nilai yang paling utama di antara kedua-dua tokoh itu. Dalam hubungan inilah langkah dasar ekonomi yang lebih liberal dilaksanakan oleh Dr. Mahathir dalam era kepimpinannya akan diterangkan dalam bahagian berikut.

---

<sup>29</sup> Wan Mohd. Mahyiddin, *Kepimpinan- Sorotan Pelbagai Aspek bagi meningkatkan kualiti dan Pencapaian*, (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti SDN. BHD., 1996) m.s. 94.

<sup>30</sup> Sterling Seagrave, *Lord of the Rim*, (London: Bantam Press, 1995),m.s. 294.

#### 7.2.4 Dasar Ekonomi lebih Liberal

Dasar ekonomi era Dr. Mahathir yang lebih liberal merupakan faktor yang telah membawa kepada hubungan Malaysia-Singapura yang lebih normal. Dasar liberal ekonomi Malaysia dapat difahami apabila beberapa aspek daripada Dasar Ekonomi Baru-DEB dilonggarkan dalam era pemerintahan Dr. Mahathir. Kelonggaran itu terpaksa dilakukan akibat tekanan daripada kaum bukan Melayu yang menganggap dasar yang mengutamakan kaum bumiputera dalam pemberian kuota dan lesen dalam sektor pendidikan, kewangan dan perdagangan telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan orang-orang bukan Melayu.<sup>31</sup> Tambahan pula ekonomi Malaysia pada tahun 1985 hingga tahun 1986 mengalami kelembapan. Oleh itu untuk membolehkan ekonomi Malaysia menjadi lebih dinamik dan dapat menyumbangkan ke arah mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi maka perlaksanaan dasar ekonomi yang kelihatan lebih pro-Melayu terpaksa dikorbankan.. Matlamat utama Dr. Mahathir ialah untuk menghasilkan satu keadaan yang beliau namakan "*a more competitive order*" dengan "*liberalising the guidelines governing equity participation in export-oriented industries*".<sup>32</sup> Dengan itu harapan beliau ialah apabila kemajuan ekonomi Malaysia semakin meningkat maka perasaan perkauman di kalangan sebahagian besar rakyat Melayu dan ahli-ahli UMNO khasnya akan berkurangan.

Pada masa yang sama kepimpinan Dr. Mahathir juga mahukan rakyat Malaysia khasnya Bumiputra supaya mengikis mentaliti subsidi yang merupakan salah satu faktor penghalang kemajuan ekonomi mereka selama ini. Bagi beliau "Apabila kerajinan, kecekapan, kebenaran dan ketertipan dan nilai-nilai lain yang

---

<sup>31</sup> Lihat, Dato' Kok Wee Kiat, Dato' Seri Dr. Ling Liang Sik, Prof. Fong Chan Onn, Chua Jui Ming, Micheal Yeoh, *The Malaysian Challenges in the 1990's*, (Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, Malaysian Chinese Association, 1990), terutamanya m.s. 81-101.

<sup>32</sup> Ucapan Dr. Mahathir Mohamad pada 17 November 1987.

baik dijunjung tinggi dan diamalkan, kemajuan tetap tercapai.”<sup>33</sup> Ekoran dari perlaksanaan dasar ekonomi dan penerapan sikap positif yang sedemikian maka didapati dari segi ekonomi penguasaan orang Melayu ke atas kekayaan ekonomi negara sudah meningkat dengan banyaknya.<sup>34</sup>

Dengan berakhirnya DEB pada tahun 1990 dan digantikan pula oleh Dasar Pembangunan Nasional-NDP pada tahun 1991, didapati “*there has been significant shift in emphasis from the goal of redistribution per se to the pursuit of rapid industrialisation.*”<sup>35</sup> Dr. Mahathir mahukan kewujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang tulin dan mempunyai daya tahan. Kepimpinan Dr. Mahathir melalui perlaksanaan dasar ekonomi yang lebih liberal tersebut telah membawa Malaysia menduduki tempat yang agak baik dan kini dikategorikan sebagai “*High Human Development*”. Malaysia telah menduduki tangga ke 53 daripada 174 negara yang disenaraikan.<sup>36</sup>

#### **7.2.5 Lawatan Presiden Israel ke Singapura**

Isu politik yang melibatkan lawatan Presiden Israel, Chaim Herzog ke Singapura pada bulan November 1986 telah menimbulkan kemarahan yang meluas di Malaysia terutamanya pemuda UMNO dan masyarakat awam Malaysia telah mengakibatkan ketegangan di antara kedua negara. Sebagai sebuah negara yang menyebelahi perjuangan rakyat Palestin dalam perjuangannya menentang Israel maka tindakan Singapura untuk menerima lawatan rasmi ketua negara Israel ke Singapura itu dianggap satu perbuatan jiran yang tidak menghormati sensitiviti Malaysia.

---

<sup>33</sup> Dr. Mahathir Mohamad, *Menghadapi Cabaran* (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1980) m.s. 10.

<sup>34</sup> Lihat, Ishak Shari, Masyarakat Melayu Abad Ke 21, dalam, *Pemikir*, Oktober-Disember 1997, m.s. 4.

<sup>35</sup> Kok Swee Kheng, *Malaysia to 2003-From redistribution to growth*, Research Report, (London: The Economist Intelligence Unit, 1994.), m.s. v.

<sup>36</sup> *Human Development Report 1996*, (New York: Oxford University Press, 1996), m.s. 135.

Reaksi pertama Malaysia terhadap lawatan tersebut ialah Kementerian Luar Negeri telah memanggil Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia Maurice Baker. Semasa di Wisma Putra, Baker telah diberitahu bahawa Malaysia kecewa dengan lawatan tersebut dan menganggap tindakan Singapura itu sebagai ‘provocative action’.<sup>37</sup> Seterusnya mengikut Dr. Mahathir “*Malaysia's ties with Singapore suffered a setback with the visits of Israel President Chaim Herzog to the republic*”<sup>38</sup> Rasa tidak senang hati kerajaan Malaysia itu ditambah pula oleh sikap kerajaan Singapura yang tidak memberitahu Kuala Lumpur lebih awal berkenaan lawatan tersebut. Walau bagaimanapun dalam pertemuan pertama selepas peristiwa tersebut, Dr. Mahathir dan Lee Kuan Yew pada bulan Oktober 1987 didapati Lee Kuan Yew menyatakan “*I am sorry it happened.*”<sup>39</sup>

Hubungan rapat Israel-Singapura telah wujud selepas perpisahan dengan Malaysia pada tahun 1965. Singapura memilih Israel sebagai model kerana kedua-dua negara itu dikatakan berada di dalam keadaan yang hampir serupa iaitu sebagai “*migrant enclaves surrounded by Islamic nations and subject to resentment from disaffected Muslims within*”<sup>40</sup> Ekoran daripada itu pada tahun 1967, Israel telah berjaya melatih seramai 114 orang pegawai kadet tentera Singapura.

Berdasarkan isu ini, kita dapat walaupun kedua-dua negara adalah berdaulat tetapi tindakan menjemput Presiden Israel ke Singapura telah menimbulkan reaksi yang tegang dan dapat menganggu keakraban hubungan dari masa kesemasa. Di pihak Singapura, didapati tindakan tersebut tentunya berasaskan kepada kata-kata

---

<sup>37</sup> *New Straits Times* 19 November 1986.

<sup>38</sup> *New Straits Times*, 21 November 1986.

<sup>39</sup> *Straits Times*, 20 Oktober 1987.

<sup>40</sup> James Minchin, *No Man is an Island*, m.s. 239

Lee Kuan Yew “We want to be friends with Malaysia.... but Malaysia's enemies need not be our enemies.”<sup>41</sup>

Rakyat Malaysia pada keseluruhannya dan orang-orang Melayu khasnya, amat marah dengan peristiwa lawatan Presiden Israel ke Singapura tersebut. Rasa curiga orang-orang Melayu selama ini terhadap kepimpinan Lee Kuan Yew telah menjadi kenyataan. Pada persepsi orang-orang Melayu, negara Singapura memang cuba membuat provokasi dengan mengundang ketua negara Israel, sebuah negara yang tidak menghormati perjuangan orang-orang Palestin. Perjuangan Palestin tersebut mendapat sokongan kuat dari kerajaan Malaysia pimpinan Dr. Mahathir. Sensitiviti rakyat Malaysia nampaknya lebih difahami oleh Presiden Corazon Aquino apabila beliau membatalkan lawatan Herzog ke negara itu pada saat-saat akhir.

Lawatan tersebut jelas mengesahkan persepsi terpendam orang-orang Melayu terhadap Singapura selama ini, bahawa negara itu dianggap sebagai sebuah negara chauvinis “Cina Ketiga” dan “Israel kedua” sudah terbukti. Israel telah menanam satu kepercayaan dalam psikologi orang-orang Singapura supaya mereka menganggap negaranya sebagai “*poisonous shrimp*” di mana sesiapa yang cuba mendekatinya akan menerima akibat yang buruk. Walau bagaimanapun sokongan kaum bukan Melayu terhadap kemarahan kerajaan Malaysia ke atas tindakan kurang sensitif kerajaan Singapura tidaklah begitu meyakinkan. Ini kerana parti-parti bukan Melayu komponen Barisan Nasional mengingatkan kerajaan bahawa penentangan ke atas Zionism itu tidaklah penting. Kenyataan ini berasaskan petikan berikut yang berbunyi “.... component non-Malay parties of BN such as the MCA, the MIC and Gerakan, in opposing Zionism, also caution that it was “something far away” and that the rebuilding of the domestic economy should be given priority”.<sup>42</sup>

---

<sup>41</sup> James Minchin, *ibid.* m.s 292.

<sup>42</sup> Shanti Nair, *Islam in Malaysia Foreign Policy*, (London: Routledge, 1997), m.s. 228.

Apa yang menarik, ekoran daripada ketegangan isu Chaim Herzog itu ialah usaha simbolik Presiden Suharto yang cuba merapatkan semula hubungan Malaysia-Singapura dengan membuat lawatan rasmi ke Singapura melalui Tambak Johor.<sup>43</sup>

#### 7.2.6 Isu Melayu

Isu bangsa atau melihat hubungan bilateral Malaysia-Singapura dari sudut bangsa, telah menimbulkan pelbagai masalah di antara kedua negara. Datuk Abdullah Ahmad Badawi menyatakan "*There is anger and concern when Singapore is perceived, whether rightly or wrongly, to be doing things against the interests of Malays and Malaysia*".<sup>44</sup> Dalam hubungan ini mengikut Mutiah Alagapa:

*"Interethnic tension/conflict between Malay and Chinese communities in Malaysia and Singapore has produced tension in bilateral relations between these two countries...the Chineseness of Singapore made it difficult for the Malaysian Malay community to accept normal relations with Singapore. The delicate racial balance and the communal character of domestic politics in Malaysia makes Singapore bashing a popular bandwagon because it touches upon race and religion and keeps alive the earlier bitterness and animosity. Issues like the .. statements by Singapore leaders on the position and role of the Malay community, and Singapore decision to accept 25,000 Hong Kong families all aroused much public emotion and outcry in the Malaysian Malay community against Singapore".<sup>45</sup>*

Ini kerana pada masa yang lalu pada umumnya hubungan di antara kedua negara telah dilihat melalui persepsi bangsa Melayu-Cina. Dalam hubungan ini apabila isu ketuanan Melayu di Malaysia yang dibangkitkan oleh Datuk Abdullah Ahmad dalam satu ucapan di Singapura telah menjadi kontroversi buat beberapa

---

<sup>43</sup> *Straits Times*, 20 February 1987

<sup>44</sup> Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, *Malaysia -Singapore Relations*, IPS Regional Lectures Series, Lecture No. 2, (Singapore:Times Academic Press, 1990) m.s. 11.

<sup>45</sup> Mutiah Alagapa, "International Security in Southeast Asia: Growing Salience of Regional and Domestic Dynamics" dalam Jagjit Singh and Thomas Bernauer (ed), *Security of Third World Countries*, (Aldershot:: Dartmouth Publishing Co. Ltd, 1993), m.s. 120.

ketika. Abdullah Ahmad dalam ucapannya tersebut di Singapura mengutarakan isu dominasi atau ketuanan orang-orang Melayu. Mengikut Gordon P. Means, Abdullah Ahmad mahukan “*permanent supremacy for the Malays and the relegation of non-Malays into an inferior status.*”<sup>46</sup>

Seterusnya seperti kata Mutiah Alagapa, pendedahan yang dibuat oleh Brigadier Jeneral Lee Hsien Loong pada tahun 1987, bahawa Singapura tidak begitu percaya terhadap kesetiaan orang-orang Melayu Singapura kepada negaranya, menyebabkan orang-orang Melayu Singapura tidak diberi tempat untuk mengisi jawatan penting dalam angkatan tentera Singapura. Walaupun kenyataan itu adalah merupakan hak Singapura sebagai sebuah negara yang berdaulat, peristiwa ini telah menimbulkan pertelingkahan pendapat di antara ahli-ahli politik dan rakyat biasa dikedua-dua buah negara.

Namun perkembangan terakhir dalam era kepimpinan Dr. Mahathir didapati beliau telah mengurangkan penekanan kepada simbol nasionalisme dan kedaulatan orang-orang Melayu. Ini dibuktikan dengan serangan ke atas kedudukan raja-raja Melayu, peningkatan mobiliti sosial akibat proses urbanisasi yang meluas, kemunculan gaya hidup yang banyak persamaan akibat daripada proses globalisasi dan peningkatan bilangan kelas menengah Melayu telah menyebabkan pada umumnya isu-isu nasionalisme Melayu telah di kesampingkan. Dalam keadaan yang demikian Dr. Mahathir telah melancarkan Dasar Pembangunan Nasional dan juga mengutarakan gagasan Bangsa Malaysia. Dua perkara itu merupakan cara Dr. Mahathir menguruskan masalah pembinaan negara Malaysia yang kelihatan lebih

---

<sup>46</sup> Gordon P. Means, *Malaysian Politics- The Second Generation*, (Singapore: Oxford University Press, 1991), m.s. 188.

liberal. Pendekatan yang sedemikian telah membantu menarik sokongan orang-orang bukan Melayu kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya umum tahun 1995.<sup>47</sup>

Pendekatan itu juga telah memberi signal kepada Singapura bahawa Malaysia kini bukan lagi terlalu menekankan isu-isu bangsa Melayu yang sangat ditakuti oleh pemerintah Singapura. Dr. Mahathir telah berjaya mewujudkan satu iklim yang sedikit sebanyak lebih serasi dengan kehendak Singapura terutamanya dalam isu pengurusan hubungan antara kaum. Lantaran itu sekali lagi ruang yang boleh menimbulkan krisis di antara kedua negara dapat diminimumkan. Akibatnya dalam era kepimpinan Dr. Mahathir hubungan Malaysia-Singapura menjadi lebih normal.

#### **7.2.7 Tuntutan Pulau Batu Putih**

Isu tuntutan bertindih terhadap Pulau Batu Putih atau *Pedra Branca* yang terletak 15 kilometer dari Teluk Romania di Timur Laut Johor telah menimbulkan ketegangan di antara Malaysia -Singapura. Mengikut R. Heller-Trost Malaysia mula memasukkan Pulau Batu Putih kedalam wilayah Malaysia secara unilateral pada tahun 1979 dan Singapura membantah tindakan Malaysia tersebut pada tahun 1980.<sup>48</sup> Ekoran dari perkembangan tersebut nelayan-nelayan Malaysia tidak dibenarkan pergi ke Pulau tersebut semenjak dari awal tahun 80an.<sup>49</sup>

Tuntutan Malaysia adalah berasaskan kepada sempadannya dipersetujui dalam perjanjian yang dibuat sebelum ini diantara Kesultanan Johor dengan penajah British. Mengikut perjanjian itu sempadan yang ditetapkan ialah “*the main Island of*

---

<sup>47</sup> Lihat Hari Singh, “The 1995 Malaysian General Election-Reaffirmation of Barisan Nasional Dominance” dalam *The Roundtable*, Issue 343 July 1997, terutamanya m.s. 396 dan 404.

<sup>48</sup> R. Heller-Trost, *Historical Legal Claims: A Study of disputed Sovereignty over Pulau Batu Putih (Pedra Branca) Maritime Briefing*, Volume 1 Number 1, 1993, m.s. 28.

<sup>49</sup> *The Star* 7 September 1994.

*Singapore and all sea, all straits and all islands within 10 mile limit*" yang mana tidak termasuk Pulau Batu Putih. Singapura pula mempertahankan tuntutannya berdasarkan bahawa negara itu telah mentadbirkan pulau berkenaan khasnya rumah api Horsburgh yang dibina di atas pulau tersebut disekitar tahun 1850.<sup>50</sup>

Pada 16 Jun 1989, Suruhanjaya Tinggi Singapura di Kuala Lumpur, menghantar nota bantahan terhadap bot polis Malaysia yang memasuki perairan Singapura. Sebulan kemudian menteri luar kedua-dua negara berbincang dan diikuti dengan pertemuan di antara Dr. Mahathir dengan Lee Kuan Yew pada 3 Ogos 1989 di Brunei. Dalam pertemuan tersebut Lee Kuan Yew meminta Dr. Mahathir supaya tidak menghantar kapal tentera laut ke kawasan Pulau Batu Putih dan nelayan-nelayan Malaysia diberi kebenaran oleh Lee Kuan Yew untuk menangkap ikan di kawasan tersebut.<sup>51</sup>

Perkembangan selanjutnya ialah pada 6 September 1991 Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan mengikut dokumen sejarah Pulau itu adalah sebahagian dari wilayah Johor.<sup>52</sup> Berikutan daripada kenyataan Muhyiddin di atas maka pada 17 Februari 1992 Peguam Negara Singapura menyerahkan satu memorandum kepada Peguam Negara Malaysia yang membentangkan semua hujah serta dokumen bahawa Pulau Batu Putih adalah milik Singapura.<sup>53</sup>

Tindakan tersebut dilakukan kerana dalam perbincangan di antara Dr. Mahathir dengan Goh Chok Tong pada bulan Januari 1992 di Singapura kedua-dua

---

<sup>50</sup> *Sunday Star*, 23 Oktober 1994.

<sup>51</sup> R. Heller -Trost, op.cit. m.s. 28.

<sup>52</sup> *Asian Defence Journal* No. 10/1991, m.s. 93.

<sup>53</sup> *Berita Harian* 17 Mac 1992.

pemimpin bersetuju, untuk menyelesaikan masalah tuntutan bertindih tersebut melalui pendekatan undang-undang dan tidak mengikut sejarah.<sup>54</sup> Ini kerana mengikut Dr. Mahathir, jika pendekatan sejarah yang dipilih maka bukan sahaja Pulau Batu Putih milik Malaysia malah keseluruhan Singapura adalah milik Malaysia. Sekali lagi kebijaksanaan kepimpinan Dr. Mahathir untuk menjaga kestabilan politik dan mencapai kemajuan ekonomi Malaysia terbukti apabila beliau menolak fakta sejarah, dan sebagai gantinya Malaysia memilih pendekatan undang-undang untuk menyelesaikan isu tuntutan bertindih ke atas Pulau Batu Putih. Kedua-dua negara telahpun menemui jalan untuk menyelesaikan isu tuntutan bertindih itu dengan membawanya ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Walau bagaimanapun sehingga hari ini kedua-dua negara masih belum mencapai persetujuan berkaitan dengan perkara yang terperinci untuk dibawa ke The Hague.

Keengganan Malaysia untuk terus menuntut pulau tersebut berdasarkan faktor sejarah, dapat dikatakan ianya satu tindakan yang dianggap lembut terhadap Singapura. Walau bagaimanapun dalam isu yang berasingan, iaitu sempadan antara Malaysia-Singapura di Selat Johor, persetujuan telah dicapai selepas peundingan pusingan yang ketujuh pada tahun 1994. Perundingan sempadan yang rumit ini telah mengambil masa selama 14 tahun.<sup>55</sup>

Jelaslah oleh kerana faktor politik terutamanya, dan seterusnya oleh faktor-faktor sejarah, kedudukan geografi, dan komposisi etnik maka tindakan yang boleh dilakukan oleh kedua negara tidaklah menggambarkan ianya betul-betul berdaulat dalam erti kata yang sebenarnya, malah dibatasi oleh had-had yang begitu nyata. Oleh itu banyak tindakan Malaysia dan Singapura sebagai sebuah negara yang berdaulat secara bebas masih di batasi oleh faktor-faktor lampau dan juga semasa.

---

<sup>54</sup> *Ibid.* 17 Mac 1992.

<sup>55</sup> Kwok Kian-Woon, "Singapore Consolidating The New Political Economy" dalam *Southeast Asian Affairs* 1995, m.s. 296.

### 7.3 Isu-Isu Ekonomi

Pada masa ini bila kita membicarakan hubungan ekonomi Malaysia - Singapura ianya merupakan “*cornerstone of the relationship*”.<sup>56</sup> In selaras dengan dasar luar Malaysia pimpinan Dr. Mahathir kini yang memberikan penekanan kepada aspek ekonomi.<sup>57</sup> Dalam mengkaji isu-isu ekonomi dalam hubungan kedua negara penulis membahagikan kepada tiga aspek utama iaitu pertamanya pembentukan Segitiga Selatan atau SIJORI, diikuti oleh kerjasama pelaburan di negara ketiga dan isu saling bergantung dalam bidang ekonomi yang menyentuh aspek hubungan dagangan Malaysia-Singapura, Johor sebagai pusat pelaburan Singapura dan Singapura sebagai tumpuan “*shopping*” orang-orang Malaysia. Dalam aspek ekonomi ternyata walaupun kedua-dua negara merupakan pesaing namun hubungan Malaysia -Singapura adalah rapat kerana kedua-dua negara itu saling bergantung di antara satu sama lain.

Bermula daripada pertemuan Dr. Mahathir-Lee Kuan Yew pada tahun 1981 maka wujudlah kerjasama dua hala di antaranya dari segi pelancungan di mana kedua-dua syarikat penerbangan kebangsaan iaitu MAS dan SIA telah mengadakan ‘*shuttle service*’ di antara Singapura dan Kuala Lumpur. Perkhidmatan itu akan dikembangkan meliputi Pulau Pinang, Pulau Tioman dan Pulau Langkawi. Seterusnya pelaburan Singapura ditingkatkan di Malaysia khasnya dalam industri yang berintensif buruh, serta penyaluran gas asli dari Trengganu ke Singapura dan akhirnya kerjasama dalam latihan kakitangan pentadbiran awam di antara kedua negara.<sup>58</sup>

---

<sup>56</sup> Mohd Najib Tun Razak, *Asia Pacific's Strategic Outlook-The Shifting of Paradigms*, (Petaling Jaya:Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.) M.s., 20.

<sup>57</sup> Lihat Ucapan Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Economic Elements of Foreign Policy dalam *Foreign Affairs Malaysia*, Vol. 24. NO. 3, September 1991.

<sup>58</sup> Said Abdullah, Maturing Relations dalam *Singapore Business*, July 1983.

Penjualan Gas Asli Malaysia ke Singapura bermula pada 29 Januari 1992, apabila Stesen janakuasa Senoko di Woodlands mula menerima bekalan gas Asli Malaysia. Mengikut perjanjian yang ditandatangani pada 24 November 1990 Malaysia akan membekalkan sebanyak 150 juta ‘*standard cubic feet*’ gas asli sehari selama 15 tahun.<sup>59</sup> Perkembangan ini merupakan beberapa bukti yang jelas hubungan Singapura -Malaysia era Dr. Mahathir diasaskan kepada perkiraan pragmatik untuk faedah bersama.

### 7.3.1 *Segitiga Pertumbuhan Singapura, Johor dan Riau (SIJORI)*

Pemimpin Singapura sedar bahawa Malaysia khasnya Johor, sangat penting untuk kemajuan ekonomi Singapura, maka Goh Chok Tong telah mencadangkan pembentukan kawasan pembangunan ekonomi Segi Tiga Selatan yang lebih dikenali sebagai SIJORI pada tahun 1989.<sup>60</sup> Walaupun Malaysia tidak menentang penubuhan SIJORI, didapati reaksi Kuala Lumpur adalah berhati-hati ini disebabkan oleh tiga faktor. Faktor-faktor tersebut pertamanya, ialah kebimbangan Kuala Lumpur bahawa kemajuan Johor secara berlebihan akan melebarkan jurang ketidaksamaan antara wilayah di Malaysia, kedua ialah berhati-hati dengan kesungguhan Singapura terhadap cadangan pembentukan Segitiga Pertumbuhan dan akhir sekali ialah sensitiviti Malaysia terhadap kesan modal orang-orang Cina terhadap dasar Malaysia yang lebih mengutamakan kaum Bumiputra.<sup>61</sup> Kesangsian awal Malaysia tersebut memandangkan kemasukan modal kaum Cina Singapura khasnya di negeri Johor dikhuatiri akan meningkatkan penguasaan ekonomi negeri Johor khasnya oleh kaum bukan bumiputera.

---

<sup>59</sup> *New Straits Times* 30 Januari 1992.

<sup>60</sup> Toh Mun Heng and Linda Low, “Experiments in Cooperation, Complementarity or Competition in ASEAN Growth Triangles”, dalam Toh Mun Heng and Linda Low (ed), *Regional Cooperation and Growth Triangle in ASEAN*, (Singapore: Times Academic Press, 1993) m.s. 214.

<sup>61</sup> Keiji Omura, “Growth Triangle From Japan’s View”, dalam, Toh Mun Heng dan Linda Low (ed), *op.cit.*, m.s. 185.

Dua sebab utama mengapa Malaysia tidak menentangnya ialah, pertamanya kerana kerjasama itu selaras dengan usaha Malaysia yang mementingkan keuntungan ekonomi dalam menentukan hubungan antara negara. Ia juga selaras dengan langkah sebelum ini yang bermula pada bulan Februari 1985 di mana dasar luar Malaysia telah memberi penekanan baru terhadap diplomasi ekonomi maka apa sahaja usaha telah dibuat untuk menambahkan pasaran baru bagi hasil keluaran Malaysia.<sup>62</sup> Pada masa yang sama Malaysia juga berusaha untuk menambahkan kemasukan pelaburan asing ke Malaysia. Keduanya ialah sejajar dengan senarai keutamaan dasar luar Malaysia yang meletakkan ASEAN ditempat yang teratas, maka demi menjaga perpaduan ASEAN maka tidak ada tindakan menentang secara terbuka. Tegasnya didapati bahawa apa yang penting ialah setiap langkah dibuat selaras dengan dasar luar negara untuk menyumbangkan ke arah peningkatan pertumbuhan ekonomi negara termasuklah pendirian untuk tidak membantah penubuhan SIJORI.

Dalam hubungan ini pada bulan Ogos 1993, kerajaan pusat melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah meluluskan bahawa kerajaan Johor boleh melibatkan diri dalam projek pertumbuhan ekonomi Nusa Tiga Johor-Singapura-Batam.<sup>63</sup> Kerjasama ini dapat diwujudkan disebabkan juga oleh usaha-usaha yang dibuat oleh Singapura yang mana telah menuahkan hubungan yang rapat dengan kerajaan Johor.

Buktinya Goh Chok Tong, Perdana Menteri Singapura bersama-sama dengan beberapa ahli kabinetnya menghadiri jamuan Hari Raya di kediaman Menteri Besar Johor pada bulan April 1993.<sup>64</sup> Akhirnya pada bulan Disember 1994 ketiga-tiga pihak iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia telah bersetuju secara formal kerjasama ekonomi dalam

---

<sup>62</sup> Dipetik dari Kalyani Bandyopadhyaya, *op.cit.*, m.s. 267.

<sup>63</sup> *Berita Harian* 28 Mac 1993.

<sup>64</sup> *The Star* 17 April 1993.

Segi Tiga Selatan dengan menandatangani satu memorandum persefahaman mengenainya.<sup>65</sup>

### **7.3.2 Kerjasama Pelaburan di Negara Ketiga**

Peningkatan hubungan kedua negara juga dapat dilihat hasil pertemuan empat mata Dr. Mahathir Mohamad dengan Goh Chok Tong di Langkawi pada 1 September 1994. Hasilnya kedua-dua negara sangat berminat untuk mewujudkan satu pelaburan bersama diantara sektor swasta Malaysia dan Singapura di negara ketiga.<sup>66</sup> Pada bulan November 1995 satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani di antara Malaysia dan Singapura untuk menubuhkan sebuah dana yang dinamakan Dana Kajian Kemungkinan Negara Ketiga Malaysia Singapura. Tujuannya ialah untuk memudahkan serta menggalakkan pihak swasta di kedua negara mengenalpasti serta memajukan kerjasama perniagaan di negara-negara ketiga.<sup>67</sup>

Perbincangan Dr. Mahathir- Goh Chok Tong itu juga menyentuh penglibatan syarikat yang ada kaitan dengan kerajaan serta syarikat swasta di kedua negara khasnya Temasek Holdings, Singapura dan Khazanah Holding, Malaysia untuk membuat usahasama di negara-negara ketiga.<sup>68</sup>

### **7.3.3 Ekonomi Saling Bergantung**

Ekonomi yang saling bergantung di antara satu sama lain adalah satu hakikat yang tidak boleh dinafikan. Mengikut majalah Southeast Asia:

---

<sup>65</sup> Kwok Kin-Woon, "Singapore-Consolidating the New Political Economy", dalam *Southeast Asian Affairs 1995*, m.s. 294.

<sup>66</sup> *The Star* 7 September 1994.

<sup>67</sup> *Utusan Malaysia*, 8 November 1995.

<sup>68</sup> Kwok Kian-Woon, *Op.cit.*, m.s. 295-296.

*"Singapore's trade figures showed a 60% rise on the year in sales to Malaysia, and through 1994 as a whole Malaysia was much the fastest growing market for Singaporean goods"*<sup>69</sup>.

Semenjak Dr. Mahathir dilantik sebagai menteri Perdagangan dan Perindustrian, beliau merasakan Singapura merupakan salah satu punca pelaburan asing yang boleh dipercayai oleh Malaysia.<sup>70</sup> Peningkatan hubungan ekonomi dan perdagangan terus berlaku memandangkan kedua-dua negara saling bergantung terutamanya dalam aspek ekonomi. Kini satu lagi perkara yang menarik ialah, dari segi peningkatan jualan kereta Malaysia Proton Saga iaitu sebagai kereta yang kelima terlaris di Singapura.<sup>71</sup>

Hubungan itu dapat dibuktikan apabila melihat statistik pada tahun 1995 di mana sejumlah besar eksport dan import Malaysia adalah melalui pelabuhan Singapura. Data-data terbaru menunjukkan pada tahun 1995 daripada jumlah eksport negara yang berjumlah RM 185.3, sebanyak 22.1 peratus eksport Malaysia bernilai RM 41 billion, telah dieksport melalui pelabuhan Singapura. Import Malaysia yang menggunakan pelabuhan Singapura juga besar iaitu sebanyak 26.5 peratus atau bernilai RM 51.6 billion daripada nilai keseluruhan import yang berjumlah RM 194.5 billion.<sup>72</sup> Seterusnya didapati Singapura juga sedar masalah kekurangan buruh dalam negeri maka semenjak awal tahun 80an ia telah melancarkan dasar 'regionalization' iaitu menggalakkan syarikat Singapura melabur di luar negeri. Setelah dasar itu dilaksanakan kini Malaysia merupakan destinasi pelaburan Singapura yang terbesar dikalangan negara-negara ASEAN. Nilai pelaburannya di Malaysia pada tahun 1995 ialah US\$ 7.3 billion.<sup>73</sup>

---

<sup>69</sup> *Southeast Asia*, March 1955, Vol. 6, No.3 m.s. 8.

<sup>70</sup> Chew Huat Hock, op.cit. m.s. 362.

<sup>71</sup> *Utusan Malaysia*, 11. Januari 1996.

<sup>72</sup> *Business Times*, 19.Mei 1996.

<sup>73</sup> *Far Eastern Economic Review*, 25 April 1996

Walaupun darjah pergantungan ekonomi kedua negara adalah tinggi, masalah tetap timbul dari masa ke semasa. Antara yang serious ialah apabila Singapura secara rasmi membantah tindakan Malaysia supaya pembuat plastik tempatan menggunakan bahan-bahan tempatan dan mengenakan syarat supaya mana-mana pengimport “*plastics resins*” mestilah mendapatkan permit khas daripada kerajaan Malaysia. Akibat daripada itu eksport “*plastic resins*” Singapura ke Malaysia merosot sebanyak 40 peratus daripada bulan April 1994 hingga November 1994. Malaysia mengenakan syarat baru tersebut setelah syarikat Taiwan iaitu Titan Group melobi kerajaan supaya mengenakan permit untuk melindungi syarikat usahasama Malaysia -Taiwan tersebut. Sebagai tindakbalas Singapura pada bulan Januari 1995 mengenakan “*anti-dumping duty*” ke atas eksport besi keluli daripada syarikat Malaysia iaitu Amsteel Corp. Tindakan itu dilakukan apabila syarikat Singapura NatSteel membantah terhadap lambakan besi keluli dari Malaysia.<sup>74</sup> Seterusnya Singapura membawa bantahan ini ke Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Konflik ini ada kait mengait dengan isu lain yang lebih luas. Ianya berkait juga dengan dakwaan bahawa syarikat besi keluli Malaysia menjual keluarannya dengan harga di bawah harga pasaran. Sementara itu Malaysia tidak berpuas hati apabila Singapura tidak bersungguh-sungguh dalam usaha untuk menahan kapal-kapal termasuk yang didaftarkan di Singapura yang terlibat membuang sisa-sisa yang telah mencemarkan perairan Malaysia.<sup>75</sup>

Satu lagi aspek yang penting dalam hubungan ekonomi Malaysia-Singapura ialah tumpuan rakyat Malaysia untuk datang dan membeli belah di Singapura. Peningkatan kunjungan orang-orang Malaysia untuk tujuan membeli belah di Singapura telah berjalan sejak sekian lama. Fenomena ini terjadi kerana nilai matawang Malaysia dengan Singapura adalah sama iaitu RM1 sama dengan S\$1. Kerajaan Malaysia terpaksa membelanjakan simpanan luar sebanyak RM8 ribu juta untuk mempertahankan nilai ringgit Malaysia untuk menyamai Dollar Singapura pada waktu itu.

---

<sup>74</sup> *Southeast Asia, op.cit.* m.s. 3.

<sup>75</sup> *Financial Times*, 23 February 1995.

Walau bagaimanapun, semasa Daim Zainuddin menjawat jawatan menteri kewangan, beliau melaksanakan dasar penurunan nilai Ringgit Malaysia berbanding dengan *Dollar* Singapura. Kesan yang paling ketara dari dasar penurunan nilai Ringgit Malaysia tersebut ialah, berlaku pengurangan bilangan rakyat Malaysia yang berkunjung ke Singapura untuk tujuan membeli belah. Semenjak pertengahan tahun 80an perkara yang sebaliknya telah berlaku di mana, Johor Baharu telah menjadi destinasi “*shopping*” yang penting bagi rakyat negara Singapura.<sup>76</sup>

Pada bulan November 1997 telah timbul kontroversi di mana rakyat Johor tidak lagi dapat menahan kesabaran kerana banyak masalah yang mereka hadapi disebabkan oleh apa yang dikatakan faktor Singapura. Kehadiran ramai rakyat Singapura untuk membeli belah di Johor telah meningkatkan harga barang-barang keperluan harian di Johor Baharu. Mengikut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresyen purata rakyat Singapura yang memasuki Malaysia setiap hari bagi bulan Januari dan Februari 1997 ialah melebihi 27,000 orang. Banyak langkah yang dicadangkan untuk mengatasi masalah itu tetapi kerajaan pusat pimpinan Dr. Mahathir tidak mengambil apa-apa tindakan. Dalam hubungan ini Ahli Parlimen Johor Baharu dilaporkan berkata “..*the people have been let down by the federal government which has failed to view their problems in a sympathetic light.*”<sup>77</sup>

#### 7.4 Isu-Isu Pertahanan

Dalam bidang pertahanan jelas timbul beberapa ketegangan di antara kedua negara disepanjang tempuh kajian. Bagi mengkaji isu pertahanan penulis membahagikannya kepada pertamanya dasar pertahanan Singapura, diikuti oleh isu dakwaan pencerobohan tentera Singapura, kerjasama pertahanan bilateral dan pelbagai hala.

---

<sup>76</sup> Lihat, Fatini Yaacob, *Daim Yang Diam-Sebuah Biografi*, (Kuala Lumpur: Imbas Cemara, 1997), m.s. 119-120.

<sup>77</sup> *The Star* 2 November 1997.

#### 7.4.1 Dasar Pertahanan

Wujudnya keadaan yang tegang di antara kedua negara pertamanya kerana kedua-duanya mempunyai tanggapan yang berbeda dalam beberapa isu pokok dalam dasar pertahanan berasaskan faktor-faktor saiz, komposisi penduduk dan kedudukan geostrategik. Pada asasnya, Singapura yang mengamalkan konsep “*total defence*” yang meliputi pertahanan psikologi, pertahanan ketenteraan, pertahanan ekonomi, pertahanan awam dan pertahanan sosial.<sup>78</sup>

Sebaliknya Malaysia mengamalkan apa yang dipanggil “*comprehensive security*”. Mengikut Datuk Musa Hitam secara ringkasnya pertahanan menyeluruh itu bermaksud “*If you dare attack us, we will first give you a bloody nose. Then we will bleed you to death.*”<sup>79</sup> Walau bagaimanapun Dr. Mahathir tidak begitu mengutamakan kekuatan militari dalam aspek pertahanan negara. Mengikut Dr. Mahathir “*These days military strength is not as important as economic strength.*”<sup>80</sup> Petikan di atas dapat menyimpulkan pendekatan Dr. Mahathir dalam menguruskan pertahanan negara Malaysia dalam era kepimpinannya. Ringkasnya pendekatan pertahanan Malaysia era Dr. Mahathir tidak begitu agresif seperti yang menjadi dasar dan amalan pasukan pertahanan Singapura.

Bagi Singapura, negara itu menganggap jika berlaku apa-apa konflik atau perperangan maka medan pertempurannya ialah di wilayah musuh berasaskan doktrin pertahanan hadapan.<sup>81</sup> Ianya mementingkan apa yang dikatakan “*first in air forces,*

---

<sup>78</sup> Bilveer Singh, “A Small State’s Quest For Security- Operationalizing Deterrence In Singapore’s Strategic Thinking” dalam, Ban Kah Choon, Anne Pakir, Tong Chee Kiong(ed) *Imagining Singapore*, (Singapore:Times Academic Press,1992) m.s. 122.

<sup>79</sup> Dato Musa Hitam, Malaysia’s Doctrine of Comprehensive Security, *Foreign Affairs Malaysia*, Vol. 17, No. 1 March 1984. m.s. 97.

<sup>80</sup> Kenyataan Dr. Mahathir Mohamad yang disiarkan dalam *Business Times* , 23 April 1996.

<sup>81</sup> Ban Kah Choon, Ann Pakir, Tong Chee Kiong, (ed), *Op.Cit.* , m.s. 123.

*then in ground and naval forces*".<sup>82</sup> Memandangkan dasar yang sedemikian maka ia telah menimbulkan rasa curiga terutamanya Malaysia disebabkan wilayah musuh itu ditafsirkan oleh Malaysia sebagai berkemungkinan besar ialah Johor. Sebagai sebuah negara kecil dan dikelilingi oleh negar-negara jiran dari rumpun Melayu maka tidaklah menjadi satu kehairanan mengapa Singapura mengalami keadaan yang dikatakan sebagai '*siege mentality*'.

Tambahan pula Singapura dikatakan:

*"perceives that the major threat to its security will emanate from either an irrational Islamic leader in Malaysia or another expansionist leader from Indonesia".<sup>83</sup>*

Berikut daripada persepsi kepimpinan Singapura yang sedemikianlah maka negara itu telah memperlengkapkan pertahanan negara, dengan membeli alat-alat yang paling canggih berbanding dengan negara-negara lain di rantau Asia Tenggara. Singapura membelanjakan banyak wang untuk membeli peralatan pertahan yang berteknologi tinggi selaras dengan gesaan Israel yang mempengaruhi negara itu menjadikan Singapura sebagai "*poison shrimp*".<sup>84</sup> Dengan itu Singapura berharap negara yang dianggap musuh tidak akan mengganggunya memandangkan "*poison shrimp*" akan membawa banyak bencana. Keadaan ini berlaku kerana berbanding dengan negara ASEAN yang lain Singapura tidak menghadapi banyak ancaman pemberontakan bersenjata dalam negeri maka angkatan tenteranya hanya menumpukan kepada pertahanan luar. Dengan itu Singapura terkehadapan dalam aspek inovasi dan pemodenan ketenteraan.<sup>85</sup>

---

<sup>82</sup> Malcolm Chalmers, *Confidence-Building in South-East Asia*, (Bradford: Westview Press' 1996), m.s. 102.

<sup>83</sup> Lau Teik Soon and Suzaina Abdul Kadir, "Singapore's Foreign Relations", dalam Linda Low and Toh Mun Heng (ed), *Public Policies in Singapore- changes in the 1980s and Future Signposts*, (Singapore: Times Academic Press, 1992) m.s. 80.

<sup>84</sup> Lihat David Martin Jones, *Political Development in Pacific Asia*, (Cambridge: Polity Press, 1997), m.s. 193.

<sup>85</sup> Malcolm Chalmers, *Confidence-Building In South-East Asia*, (Bradford:Westview Press, 1996) m.s. 102.

Pada masa ini “..*Singapore maintains the best equipped military in south-east Asia...*”<sup>86</sup> Tahap yang sedemikian dicapai oleh Singapura kerana negara itu seperti yang dikatakan oleh menteri pertahanannya Dr. Tony Tan “*Singapore's defence policy is based on the twin pillars of deterrence and diplomacy.*”<sup>87</sup> Tindakan Singapura yang walaupun berbentuk *deterrence* katanya tetapi ia seolah-olah bersikap *offensif* dalam tindak tanduknya telah menimbulkan kesangsian dipihak Malaysia sejak beberapa tahun yang lalu.

Seterusnya didapati, “*Singapore firmly believes that the presence of great powers in the region will ensure continued stability for southeast Asia. It is also clear that Singapore regards the United States as the most benign and trustworthy power.*”<sup>88</sup>

Petikan yang menggambarkan sikap Singapura itu jelas berbeza dengan Malaysia, yang tidak begitu percaya bahawa kehadiran Amerika Syarikat di rantau ini akan memberi sumbangan yang besar ke arah kestabilan yang kekal di rantau Asia Tenggara. Dalam hubungan ini didapati Dr. Mahathir merupakan seorang pemimpin yang mempunyai pendapatnya yang tersendiri lagi konsisten seperti yang digambarkan oleh petikan berikut:

“ *The sole regional leader who consistently assert that the American military is no longer needed or wanted in Asia is Mahathir. The Malaysian Prime Minister may one day prove to have been visionary on this point.*”<sup>89</sup>

#### 7.4.2 Pencerobohan Tentera Singapura

Selanjutnya kejadian-kejadian pencerobohan oleh empat anggota pasukan keselamatan Singapura ke wilayah Malaysia, khasnya di selatan Johor pada bulan April 1987 telah menimbulkan rasa tidak senang kepada pihak Malaysia. Dalam hubungan ini,

---

<sup>86</sup> *New Straits Times* 9 Disember 1996.

<sup>87</sup> *Asia Defence Journal* 2/96, m.s. 15.

<sup>88</sup> Lau Teik Soon and Suzaina Abdul Kadir, *Op.cit.* . m.s. 80.

<sup>89</sup> Richard Mc Gregor, *Japan Swings-Politics, Culture and Sex in The New Japan*, (Singapore: Butterworth-Heinemann Asia, 1996) m.s. 65.

Lee Kuan Yew menyatakan:

*"It is a very childish, simple, either error or prank by four national servicemen... Their job was to patrol the coastline to make sure nobody would sneak in. They strayed north, they said by mistake, maybe, maybe not."*<sup>90</sup>

Selepas itu dalam kes yang lain, didapati pada bulan Disember 1989 kerajaan Malaysia telah menangkap tujuh orang rakyat Malaysia dan dua orang rakyat Singapura dibawah *ISA* kerana didakwa menjual maklumat rahsia kepada negara jiran iaitu Singapura.<sup>91</sup> Sebagai reaksi Pesuruhjaya Tinggi Singapura diarahkan meninggalkan Malaysia. Berkaitan dengan dakwaan ini di dapati pada tahun 1990, Lee Kuan Yew mengaku bahawa negaranya "*still kept up what he described as 'low-level spying' on Malaysia*".<sup>92</sup>

Dalam hubungan ini kerajaan Johor juga telah mendakwa Singapura telah melakukan pengintipan ke atas projek-projek pembangunannya. Akibatnya Malaysia telah mengharamkan penggunaan ruang udara Malaysia untuk kapalterbang dari Kolej Penerbangan Singapura dan sekolah Penerbangan Singapura.<sup>93</sup>

Walaupun akhirnya, sebagai membuktikan tindakan tentera Singapura memasuki wilayah Malaysia tidak disengajakan maka, anggota tentera Singapura yang telah memasuki wilayah Malaysia telah dikenakan tindakan disiplin yang maksimum berdasarkan kesalahan mereka. Namun tindakan anggota tentera itu memasuki wilayah Malaysia tetap menimbulkan syak wasangka malah boleh dianggap sebagai menduga keupayaan dan persediaan Malaysia mengawal wilayahnya.

---

<sup>90</sup> *Straits Times*, 20 Oktober 1987

<sup>91</sup> S. Jayasankaran, *Op.cit.*, m.s. 18.

<sup>92</sup> Kevin Rafferty, "Singapore" dalam, *Asia and Pacific Review-The Economic and Business Report* 1991/1992. m.s. 204.

<sup>93</sup> Linda Low and Toh Mun Heng, *Public Policies in Singapore*, *Op. Cit.*, m.s. 81.

Kepimpinan Dr. Mahathir pada umumnya, telah memberi reaksi yang lembut terhadap peristiwa-peristiwa di atas yang boleh dianggap sebagai tindakan provokatif Republik Singapura. Kepimpinan Malaysia hanya sekadar menerima penerangan atau helah Singapura dan memberi protest yang lembut, tanpa mengenakan apa-apa tindak balas dalam bentuk politik, perdagangan atau ketenteraan yang boleh dianggap dapat mengajar atau menegur salah laku pasukan pertahanan atau perisikan Republik itu. Ini jelas berbeda dengan tindakan Malaysia terhadap kerajaan British di mana kerana tidak puas hati terhadap negara tersebut Malaysia umpamanya mengadakan dasar “*Buy British Last*”.<sup>94</sup>

Dr. Mahathir sebagai pemimpin Malaysia menangani isu-isu yang timbul dalam hubungan Malaysia- Singapura dengan lembut sekali kerana beliau mempunyai satu kepercayaan yang berbeda dari pemimpin yang lain. Walau pun peristiwa yang diterangkan di atas telah mengeruhkan hubungan Malaysia-Singapura, kepimpinan Dr. Mahathir terus menerus bekerjasama dengan Singapura. Buktinya empat tahun selepas ketegangan iaitu dalam tahun 1994, Malaysia bersetuju menandatangani kontrak untuk membina tambak yang kedua atau dikenali sebagai Linkedua, yang menghubungi Tanjung Kupang di Johor dengan Tuas di Singapura. Ini menggambarkan sikap lembut Dr. Mahathir yang sentiasa memandang ke hadapan.<sup>95</sup> Semuanya itu adalah berpunca daripada kepercayaan Dr. Mahathir seperti yang pernah diungkapkannya:

“ *I believe it is important in international relations to avoid dwelling on the past and to concentrate on building strong relationship for the future.* ”<sup>96</sup>

---

<sup>94</sup> Dasar itu dilaksanakan selepas Dr. Mahathir berkuasa selama tiga bulan. Dasar itu bertujuan “.... to accord the lowest priority to British goods and services in retaliation of the country's unhealthy attitude towards Malaysia.” Lihat *Business Times Annual 1997*, m.s. 125.

<sup>95</sup> Lihat *Utusan Malaysia*, 2 Januari 1998.

<sup>96</sup> Dr. Mahathir Mohamad, Shintaro Ishihara, *The Voice Of Asia- Two Leaders Discuss The Coming Century*, (Tokyo:Kodansha International Limited, 1995), m.s. 17.

#### **7.4.3 Kerjasama Pertahanan Bilateral**

Walau pun dari segi sejarah, ketegangan dalam aspek keselamatan dan pertahanan sering kali wujud di antara kedua negara semenjak tahun 1965, namun kerjasama ketenteraan di antara kedua pihak tetap diadakan. Dalam era kepimpinan Dr. Mahathir, umpamanya pada tahun 1983 telah di adakan perbincangan untuk melakukan pembelian dan pengeluaran bersama alat-alat pertahanan termasuk senapang penggempur SAR80 yang dibuat di Singapura.<sup>97</sup>

Perkembangan baik seterusnya ialah, apabila tentera darat Malaysia dan Singapura telah melakukan latihan bersama yang pertama pada bulan Mei 1989. Latihan itu menggunakan nama kod, Semangat Bersatu.<sup>98</sup> Namun selepas latihan tersebut keadaan menjadi agak tegang dan tidak ada lagi latihan bersama secara dua hala. Kerjasama ini dihentikan pada akhir tahun berikutan penangkapan sembilan orang perisik yang dituduh menjual rahsia cara-cara tentera Malaysia mempertahankan Johor.<sup>99</sup> Hubungan baik tersebut dapat dipulihkan semula pada tahun 1992 apabila latihan bersama Semangat Bersatu dan Malapura telah disambung semula.<sup>100</sup>

Pada 26 Oktober 1994, Menteri Pertahanan Malaysia selepas menganugerahkan bintang kehormat tertinggi negara iaitu Panglima Gagah Angkatan Tentera (Kehormat), kepada Ketua Turus Angkatan Tentera Singapura Lt. Gen Ng Jui Ping, mengumumkan bahawa Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk menubuhkan forum pertahanan. Ia bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kerjasama pertahanan dan industri pertahanan di antara kedua

---

<sup>97</sup> Said Abdullah, *op. cit.*, Singapore Business, July 1983.

<sup>98</sup> Ban Kah Choon, Anne Pakir, Tong Chee Kiong (ed), *Imagining Singapore, Op.Cit.*, m.s. 126

<sup>99</sup> Malcolm Chalmers, *Confidence-Building In South-East Asia*, (Bradford:Westview Press, 1996), m.s. 32.

<sup>100</sup> *Asian Defence And Diplomacy*, Volume 2 No. 1 Jan/Feb 1996. m.s. 15.

negara.<sup>101</sup> Rancangan itu menjadi kenyataan pada tahun 1995, apabila Forum Pertahanan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Pertahanan kedua-dua negara telah diadakan. Forum Pertahanan Malaysia- Singapura telah mengadakan mesyuarat yang pertama pada bulan Januari 1995 dan pada bulan Mac, menteri pertahanan Malaysia dianugerahkan bintang oleh kerajaan Singapura iaitu "*Distinguish Service Order (military)*," kerana memainkan peranan yang penting untuk merapatkan hubungan pertahanan bilateral kedua negara.<sup>102</sup>

Dalam hubungan ini juga, Jawatankuasa Kerja Kerjasama Industri Pertahanan dan Jawatankuasa Kerja Aktibiti Ketenteraan telah bermesyuarat untuk membincangkan kerjasama dalam bidang latihan dan projek di antara industri pertahanan kedua-dua negara.<sup>103</sup> Walaupun dalam tempoh kajian ini didapati beberapa masalah yang timbul, dari masa ke semasa tetapi Malaysia berjaya menanganinya memandangkan negara ini bawah kepimpinan Dr. Mahathir, sentiasa memberi keutamaan yang terpenting terhadap hubungannya dengan negara-negara Asean termasuklah Singapura.

#### **7.4.4 Kerjasama Pertahanan Pelbagaihala**

Kerjasama pelbagaihala yang terpenting ialah Paraturan Pertahanan Lima Negara atau FPDA, yang berkuatkuasa mulai tahun 1971 dianggotai oleh Australia, Great Britain, Malaysia, New Zealand dan Singapura. Pakatan ini beroperasi berasaskan andaian utama iaitu:

*"the indivisibility of the defence of Singapore and Malaysia, and it obliges participants to consult each other for the purpose of deciding what actions should be taken in the events of a threat or potential threat to Malaysia or Singapore".<sup>104</sup>*

---

<sup>101</sup> *The Star*, 26 October 1994.

<sup>102</sup> *New Straits Times*, 24 Mac 1995.

<sup>103</sup> *Asian Defence And Diplomacy*, *Op.Cit.*, m.s. 3.

<sup>104</sup> Chin Kin Wah, 'The Five Powers Defence Arrangements: Twenty Years After' dalam Malcolm Chalmers, *Op. cit.*, m.s. 29.

Seterusnya kini telah wujud institusi-institusi yang dianggap sebagai “confidence-building measures” seperti “Asian Regional Forum” (ARF). ARF yang akan membincangkan isu-isu politik dan keselamatan dipersetujui penubuhannya di Singapura pada tahun 1993 bermesyuarat buat pertama kalinya pada 25 Julai 1994 di Bangkok. Ia memilih cara ASEAN untuk mengatasi konflik iaitu dengan cara “constructive engagement and informal consensus”<sup>105</sup>

## 7.5 Isu-Isu Sosial

Walaupun banyak isu sosial yang boleh dikaji tetapi bagi tujuan kajian ini iaanya terhad kepada pertamanya isu pekerja Malaysia dan isu bekalan air ke Singapura.

### 7.5.1 Isu Pekerja

Dipandang dari sudut sosial, didapati kesannya amat nyata memandangkan kira-kira 100,000 orang Malaysia dan Singapura menyeberangi Tambak Johor setiap hari untuk melawat dan bekerja di antara kedua negara.<sup>106</sup> Pada bulan Mac 1988 Singapura menghadapi masalah kekurangan buruh yang mendesak maka negara itu telah melonggarkan syarat kemasukan buruh Malaysia ke negara itu. Kira-kira 60,000 buruh diambil pada masa itu mengakibatkan jumlah buruh asing melebihi daripada sesuku jumlah tenaga buruh Singapura.

Memandangkan keadaan yang sedemikian tidak dipersetujui oleh kerajaan maka pada 17 November 1988, kerajaan Singapura membuat satu dasar baru iaitu bertujuan menyekat kemasukan buruh Malaysia. Langkah yang diambil ialah dengan menaikkan “levy” pekerja asing daripada \$170 kepada \$250 dan tindakan ini memberi

---

<sup>105</sup> Malcolm Chalmers ,op.cit. m.s. 148.

<sup>106</sup> Business Times 9 Julai 1996.

kesan yang langsung ke atas kira-kira 80,000 hingga ke 100,000 pekerja Malaysia di Singapura.<sup>107</sup>

Pada 17 Mac 1992, satu kontroversi timbul apabila kerajaan Singapura mengharamkan pekerja-pekerja asing daripada menggunakan kenderaan yang didaftarkan di Malaysia untuk bekerja di Singapura. Kira-kira 500 orang tidak dibenarkan memasuki Singapura pada hari tersebut.<sup>108</sup> Sebagai reaksi kepada tindakan drastik Singapura tersebut Pesatuan Pengguna Johor, mencadangkan supaya pemandu kenderaan Singapura yang memasuki Johor Baru dikenakan "*levy*" kerana ia menyebabkan kesesakan di bandar Johor Baru. Malaysia tidak berpuas hati dengan tindakan Singapura yang membuat dasar baru tanpa terlebih dahulu memberitahu Kuala Lumpur. Dato' Abdullah Badawi Menteri Luar menyatakan,

*"Singapore seems to have lost its friendly neighbour image in doing so. The republic should understand that as neighbouring countries, both nations should alert each other when it comes to decisions that involve bilateral concerns."*<sup>109</sup>

Setelah mendapat kritikan yang meluas di Malaysia kerajaan Singapura mengumumkan pada 23 Mac 1992 bahawa peraturan mengenakan bayaran sebanyak S\$340 ke atas kereta Malaysia dan bayaran Pendaftaran Tambahan sebanyak 15 peratus daripada harga asal motorsikal Malaysia telah digantung. Pada masa yang sama Menteri Pengangkutan kedua-dua buah negara akan berunding terlebih dahulu jika ada apa-apa penguatkuasaan undang-undang pengangkutan baru yang akan memberi kesan kepada rakyat di kedua-dua negara tersebut.<sup>110</sup>

---

<sup>107</sup> *New Straits Times*, 18 November 1988.

<sup>108</sup> *New Straits Times* 18 Mac 1992.

<sup>109</sup> *Business Times*, 20 March 1992

<sup>110</sup> *New Straits Times*, 24 March 1992.

Walau apa pun yang berlaku, satu hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah terdapat banyak pertalian persaudaraan di antara rakyat Malaysia dan Singapura dan kebanyakan rakyat Singapura pernah menjadi rakyat Malaysia dari tahun 1963-1965. Dalam hubungan ini satu perkembangan penting semenjak beberapa tahun yang lalu didapati ada pertambahan pembelian harta tanah di Johor terutamanya oleh rakyat Singapura. Ada dakwaan yang dibuat oleh *FOMCA* mengatakan kira-kira 55 peratus daripada rumah dilima kawasan perumahan di Johor dimiliki oleh rakyat Singapura.<sup>111</sup>

#### 7.5.2 *Isu Bekalan Air Ke Singapura*

Satu lagi faktor penting dan sensitif dalam hubungan Malaysia-Singapura ialah, pergantungan Singapura terhadap bekalan air dari Malaysia. Johor mula membekalkan air ke Singapura bermula dari tahun 1927 berasaskan perjanjian di antara Sultan Johor dengan pihak berkuasa British di Singapura. Perjanjian itu diperbaharui pada tahun 1962.<sup>112</sup> Mengikut perjanjian air tahun 1962 tersebut Singapura berhak mendapat bekalan air sebanyak 250 juta gelen air dari Malaysia setiap hari. Air Johor dibeli oleh Singapura dengan harga 3 sen seribu gelen dan sebahagiannya setelah dibersihkan dijual pula oleh Singapura kepada Johor dengan harga 25 sen seribu gelen.<sup>113</sup> Singapura tidak dapat memperolehi bekalan sejumlah yang tercatat dalam perjanjian melainkan negara itu membina empangan di Sungai Johor.

Perundingan bekalan air ini adalah rumit, dan ianya bermula dari tahun 1982 dan berakhir dengan Perjanjian Air dan Gas pada 24 November 1990 di Kuala Lumpur.<sup>114</sup> Perjanjian 1962 telah diubah berasaskan Memorandum persefahaman yang

---

<sup>111</sup> *The Star*, 28 Ogos 1996.

<sup>112</sup> *Far Eastern Economic Review*, 18 August 1984.

<sup>113</sup> *Business Times*, 19 Julai 1988.

<sup>114</sup> Ucapan Goh Chok Tong di Parlimen Singapura di petik dalam Alan Chong, *Goh Chok Tong-Singapore's New Premier*, (Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn. Bhd. 1991). m.s. 148-149.

ditandatangani oleh Dr. Mahathir Mohamad dan Lee Kuan Yew pada 28 Jun 1988. Antara lain syarat-syarat baru itu ialah:

- a. Singapura boleh membeli air melebihi kuota sekarang yang berjumlah 250 juta gelen sehari pada harga semasa dan lebih tinggi daripada harga tahun 1962.
- b. Singapura membayar kos pimbinaan empangan-empangan dan stesen-stesen pam. Tanah tapak pembinaan itu disewakan kepada republik Singapura dan instalasi tersebut adalah kepunyaan Singapura.
- c. Singapura tidak dibenarkan memiliki mana-mana tanah yang digunakan sebagai tanah tadahan dan juga empangan. Kesemua tanah-tanah itu adalah milik Johor.
- d. Singapura hendaklah membayar ganti rugi kepada Johor di atas penggunaan tanah sebagai tapak pembinaan empangan dan sebagai kawasan tadahan air.
- e. Singapura hendaklah membayar premium ke atas tanah yang digunakan sebagai kawasan tadahan air dan,
- f. Singapura hendaklah menampung kos menjalankan operasi empangan dan penyelenggaraan kawasan tadahan air.<sup>115</sup>

Dalam hubungan ini memorandum persefahaman dan perjanjian di atas dibuat setelah menimbangkan permohonan Singapura. Kata Dr. Mahathir:

“Singapura meminta pertolongan kita berkenaan dengan bekalan air. Sebagai jiran, kita sedia menimbangkan pemohonan ini dengan wajarnya. Sementara kita sedar akan pentingnya air bagi Singapura, kita tidak dapat membelakangkan kepentingan kita sendiri.”<sup>116</sup>

Sebelum Lee Kuan Yew bersara pada tahun 1990, beliau telah menjadi saksi bersama Dr. Mahathir dan Goh Chok Tong dalam majlis menandatangani Perjanjian Air

---

<sup>115</sup> *The Star* 29 Jun 1988.

<sup>116</sup> Dr. Mahathir Mohamad, Ucapan di Perhimpunan Agung UMNO 18 September 1986.

dan Gas Malaysia- Singapura pada 24 November 1990 di Kuala Lumpur. Mengikut perjanjian baru ini, Singapura akan memberi pampasan bernilai \$320 juta akibat daripada pembentukan kawasan tadahan air empangan Sungai Linggiu seluas 15,000 hektar kepada kerajaan Johor. Empangan baru itu berharga \$164 juta yang dibina oleh Singapura akan diambil alih oleh kerajaan Johor apabila siap. Pada masa yang sama formula harga air yang baru juga dipersetujui dalam Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian Bekalan Air 1962, di mana Singapura dikehendaki membayar harga air di antara 15 ke 25 peratus lebih tinggi daripada harga yang dikenakan kepada pengguna air di Johor. Bayaran yang lebih tinggi ini adalah untuk air yang melebihi had maksimum 250 juta gelen sehari yang diperuntukkan dalam perjanjian tahun 1962.<sup>117</sup>

Pada keseluruhanya isu bekalan air ke Singapura adalah satu perkara yang amat penting bagi Singapura. Bagi Malaysia pula isu ini selalu digunakan oleh pihak yang menentang sesuatu tindakan atau dasar Singapura yang tidak digemari oleh mereka dan mengugut atau mendesak kerajaan Malaysia supaya memotong bekalan air ke Singapura. Menyedari hakikat ini Dr. Mahathir jelas mengambil jalan tengah apabila beliau mengatakan "*You cannot have both sides equally happy because you cannot get everything you ask for .. both sides must be equally unhappy.*"<sup>118</sup>

## 7.6 Kesimpulan

Daripada huraian di atas, maka jelaslah walaupun dalam masa pentadbiran Dr. Mahathir pelbagai isu yang dibahagikan kepada politik, pertahanan, ekonomi dan sosial, kadangkala telah menimbulkan ketegangan, namun ia telah dapat ditangani secara bijaksana oleh Malaysia di era kepimpinan Dr. Mahathir. Malaysia banyak ‘berlembut’ dalam menangani isu-isu yang telah dihuraikan di atas. Ini membuktikan walaupun mengikut tiori

---

<sup>117</sup> *New Sunday Times*, 25 November 1990.

<sup>118</sup> *Business Times*, 19 Julai 1988.

hubungan antarabangsa “*realism*” yang mana sesebuah negara akan berbuat apa sahaja untuk menjaga kepentingan nasional atau menambahkan kuasanya, namun kepimpinan Dr. Mahathir yang **pragmatik** juga tetap bekerjasama dalam pelbagai bidang dengan Singapura untuk kebaikan bersama.

Kepimpinan Dr. Mahathir yang pragmatik dalam menangani permasalahan hubungan Malaysia-Singapura **menguntungkan Malaysia dari segi kemajuan dan pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik**. Ini kerana pegangan asas beliau ialah untuk “*prosper thy-neighbour*” dan dalam kes ini ialah Singapura. Dr. Mahathir berasaskan huraian di atas sebenarnya telah menggadaikan pendirian tegas beliau pada awalnya terhadap sikap dan perbuatan orang-orang Cina ke atas kaum bumiputera pada amnya. Segala kesulitan yang timbul akibat tindakan Singapura ditangani dengan lembut agar sumbangan Singapura terhadap kestabilan politik dan pembangunan ekonomi Malaysia pimpinan Dr. Mahathir tidak tergugat.

Ruginya sikap pragmatik kepimpinan Dr. Mahathir ialah, nilai-nilai nasionalisme Melayu terpaksa digadaikan. Buktinya ialah nilai nasionalisme Melayu era Dr. Mahathir telah disempitkan kepada kejayaan atau penguasaan di bidang ekonomi. Dengan itu, isu-isu lambang nasionalisme Melayu seperti aspek-aspek budaya dan bahasa Melayu tidak lagi menjadi prioriti. Dalam hubungan ini, apa sahaja tindakan yang dilakukan oleh Singapura ke atas Malaysia hanya di kesampingkan atau di anggap tidak begitu besar kesan negatifnya kerana, jika Malaysia terus dengan pendiriannya untuk mempertahankan hak, ia akan menimbulkan kesan negatif ke atas pelaburan Singapura di Malaysia khasnya dan kepada kegiatan ekonomi Malaysia pada keseluruhannya.

Dalam lain perkataan, mungkin Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir tidak ada pilihan yang lain kecuali bekerjasama untuk menjaga kestabilan bagi tujuan mencapai dan

mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi pada masa hadapan. Langkah yang sedemikian terbukti selaras dengan satu lagi tiori hubungan antarabangsa iaitu “*neoliberalism*” yang mengatakan bahawa sesebuah negara akan bekerjasama demi faedah bersama.

Dalam bidang ketenteraan, kedua-dua negara telah membelanjakan banyak wang untuk membeli pelbagai alat persenjataan yang canggih lagi mahal untuk angkatan tentera masing-masing.<sup>119</sup> Buktinya pada tahun 1992, Singapura membelanjakan sebanyak US\$ 2,599 juta atau 5.1 peratus daripada Keluaran Negara Kasar- GNP untuk pertahanan berbanding Malaysia hanya membelanjakan sebanyak US\$ 2,456 juta atau 4.4 peratus daripada Keluaran Negara Kasar-GNP untuk pertahanan. Singapura telah dan akan membeli kapal selam dari Sweden dan Jerman serta helikopter penyerang *Apachee* dari Amerika Syarikat. Malaysia pula telah membeli 18 jet pejuang Mig 29 dari Russia dan 8 buah jet pejuang F/A - 18 dari Amerika Syarikat.<sup>120</sup>

Namun dalam bidang-bidang politik, ekonomi dan sosial kerjasama terus diperbaiki dan dipertingkatkan khasnya dari tahun 1981 sehingga hari ini. Bagi Singapura ia mengakui bahawa dasar dan tindakannya yang dikatakan “*abrasive*” itu adalah sebagai satu “*expression of its struggle to show that it could survive in a hostile and uncertain environment..*”<sup>121</sup>. Jelaslah jika Singapura yang maju ekonominya bersikap sedemikian, maka Malaysia pimpinan Dr. Mahathir tidak mempunyai pilihan lain kecuali berlembut malah menjadikan Singapura sebagai

---

<sup>119</sup> Singapura terutamanya telah membelanjakan banyak wang untuk membeli kelengkapan pertahanan di antara tahun 1983-1985. Lihat Chin Kin Wah, *Singapore: Threat Perception and Defence Spending in a City-State*, dalam Chin Kin Wah, (Ed.), *Defence Spending in Southeast Asia*, (Singapore: Institute of South East Asian Studies, 1990), m.s. 208.

<sup>120</sup> Lihat Malcolm Chalmers, *Confidence Building in South East Asia*, (Bradford:Westview Press, 1996), terutamanya, m.s. 66-73.

<sup>121</sup> Chew Huat Hock, op.cit. m.s. 365.

model untuk diikuti demi kestabilan negara. Contohnya ialah kawalan yang ketat ke atas peranan media dan kurangnya darjah toleransi yang dibenarkan oleh kepimpinan Dr. Mahathir terhadap suara bangkangan dan kritikan serta teguran dari dalam negeri. Kestabilan politik merupakan prasyarat terpenting untuk negara ini terus mencapai kemajuan ekonomi bagi menjamin survivalnya sebagai sebuah negara maju yang berdaulat pada tahun 2020.

Dua puluh tujuh tahun yang lalu, iaitu pada tahun 1970 Dr. Mahathir menyatakan "*the relationship between Singapore and Malaysia must depend almost entirely on the politics of the two nations*".<sup>122</sup> Demi menjaga kepentingan politik dan kedudukannya sebagai pemimpin politik tertinggi Malaysia, Dr. Mahathir telah menggunakan strategi berlembut dengan Singapura. Pendekatan itu selaras dengan pemerhatian yang dibuat oleh salah seorang penasihat yang rapat dengan beliau iaitu Daim Zainuddin. Kelembutan Dr. Mahathir digambarkan oleh Daim Zainuddin apabila beliau menyatakan Dr. Mahathir itu:

"baik hati, yang dipergunakan orang kadangkala"...Semua orang tahu, kalau seseorang pergi berjumpa dia dan meminta sesuatu, mungkin tidak dapat buat kali pertama, atau kali kedua, tapi kalau orang itu pergi kali ketiga, kemungkinan besar akan dapat. Juga, minta tiga perkara, mesti dapat satu. Dia tidak pandai menolak Hatinya baik....dia (Daim) menyesali 'kelembutan Mahathir."<sup>123</sup>

Nyatalah sebagai orang politik yang paling berkuasa di Malaysia semenjak awal tahun 1980an yang lalu, hubungan Malaysia -Singapura bertambah baik dan mencapai tahap normal kerana sifat peribadi Dr. Mahathir yang berlembut itu juga diamalkannya dalam menguruskan isu-isu yang timbul dalam hubungan dengan Singapura sepanjang tempuh kajian ini. Inilah kontradiksi Dr.Mahathir di peringkat antarabangsa

---

<sup>122</sup> Dr. Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma*, op. cit. m.s. 187.

<sup>123</sup> Cheong Mei Sui, Adibah Amin, *DAIM- Insan Di Sebalik Enigma*, (Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn. Bhd., 1996), m.s. 148-150.

terutamanya dalam menghadapi negara-negara maju, beliau adalah seperti kata Margaret Thatcher seorang keras, pintar dan praktikal, sebaliknya dengan Singapura Dr. Mahathir berasaskan hurai di atas nampaknya dicirikan oleh sikap berlembut serta pintar dan praktikal dalam tindakannya.

Kepintarannya dalam menguruskan hubungan Malaysia-Singapura, didapati menguntungkan Malaysia dalam aspek kestabilan politik dan pencapaian pembangunan material. Namun jika dilihat dari sudut kepentingan nasionalisme Melayu yang sebenar, kepimpinan Dr. Mahathir yang berlembut dalam menangani isu-isu politik, pertahanan, ekonomi dan sosial yang dihuraikan di atas, telah merugikan perjuangan bangsa Melayu. Tindakan beliau menangani isu-isu yang timbul dalam hubungan dua hala dengan Singapura, seolah-olah menggambarkan kemajuan *kaum Melayu dan bangsa Malaysia pada keseluruhannya banyak ditentukan oleh kestabilan dan kemakmuran jiran terdekat Republik Singapura*, yang majoriti penduduknya terdiri dari kaum Cina.